

7

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Puan Nurul Izzah Binti Anwar
KAWASAN : LEMBAH PANTAI
TARIKH : 23.11.2017 (KHAMIS)
NO. SOALAN : 12

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:

- (a) langkah dan insentif kewangan untuk memastikan pihak swasta melaksanakan '*technology upscaling*'; dan
- (b) tindakan tegas untuk mendisiplin pihak industri swasta yang enggan melaksanakan usaha '*technology upscaling*'.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), strategi utama yang telah dirangka adalah bertujuan bagi mempercepatkan momentum pertumbuhan ekonomi melalui peluasan aktiviti ekonomi yang berasaskan pengetahuan secara intensif serta pengeluaran produk yang kompleks. Salah satu kaedah untuk melaksanakan strategi tersebut adalah dengan memastikan pihak swasta menjalankan aktiviti '*technology upscaling*'. Seajar dengan arus global Revolusi Perindustrian Keempat, pengaplikasian teknologi terkini perlu dilakukan agar syarikat terus berdaya saing di peringkat global. Kerajaan sentiasa

menekankan kepentingan dan keperluan agar syarikat melakukan satu anjakan perubahan daripada sistem konvensional kepada proses automasi dan sistem siber-fizikal terutamanya dalam sektor pembuatan.

Beberapa insentif telah diperkenalkan oleh Kerajaan bagi menggalakkan lebih banyak syarikat-syarikat swasta melaksanakan '*technology upscaling*'. Antara insentif tersebut adalah:

(i) insentif elaun modal perbelanjaan automasi melalui Bajet 2015 bagi menggalakkan proses automasi sektor perkilangan berdasarkan dua kategori berikut:

a) kategori pertama, iaitu untuk industri yang mempunyai kebergantungan buruh yang tinggi seperti industri produk getah, plastik, kayu, perabot dan tekstil. Insentif yang ditawarkan adalah elaun modal perbelanjaan automasi sebanyak 200 peratus ke atas 4 juta ringgit perbelanjaan pertama. Insentif ini adalah bagi tempoh 2015 hingga 2017; dan

b) kategori kedua, iaitu untuk lain-lain industri, di mana insentif yang ditawarkan adalah elaun modal perbelanjaan automasi sebanyak 200 peratus ke atas 2 juta ringgit perbelanjaan modal pertama. Insentif ini adalah bagi tempoh 2015 hingga 2020.

(ii) Pengecualian cukai pendapatan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 dan Akta Cukai Pendapatan, 1967 ditawarkan kepada aktiviti-aktiviti atau produk-produk yang digalakkan,

9

antaranya untuk syarikat-syarikat kecil, syarikat-syarikat berteknologi tinggi, industri-industri terpilih dan projek-projek strategik. Insentif yang diberikan adalah dalam bentuk:

- a) Galakan Taraf Perintis (TP) di mana pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70 peratus hingga 100 peratus daripada pendapatan berkanun diberikan untuk tempoh 5 hingga 10 tahun; atau
 - b) Elaun Cukai Pelaburan (ECP) iaitu 60 hingga 100 peratus daripada jumlah pelaburan modal yang layak yang dibuat oleh syarikat dalam tempoh 5 hingga 10 tahun. Elaun ini boleh digunapakai bagi mengurangkan sebanyak 70 hingga 100 peratus daripada pendapatan berkanun tahunan sehingga keseluruhan elaun tersebut selesai dituntut.
- (iii) Skim Galakan Istimewa atau *prepackaged incentive*, di mana skim ini ditawarkan untuk projek-projek yang disasarkan berteknologi tinggi, bernilai tambah tinggi, berdasarkan pengetahuan dan mempunyai nilai rangkaian yang meluas. Pelabur juga diberikan galakan berdasarkan kepada jenis industri seperti industri strategik, bidang-bidang baharu dan berteknologi tinggi seperti sektor sumber tenaga alternatif, '*advanced electronics*', bioteknologi, peralatan perubatan, ICT, aero-angkasa dan petrokimia.
- (iv) Dana Strategik Pelaburan Domestik atau *Domestic Investment Strategic Fund* (DISF), berjumlah RM1 bilion dalam bentuk geran secara setara (1:1) dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas

Dana ini bertujuan untuk mempercepat peralihan syarikat – syarikat domestik kepada industri yang bernilai tambah tinggi, berteknologi tinggi, berasaskan pengetahuan intensif dan berasaskan inovasi.

- (v) Skim Pinjaman Mudah bagi Automasi & Modenisasi (SLSAM) di mana pinjaman diberikan bagi menggalakkan syarikat perkilangan memoden dan mengautomasikan proses pembuatan mereka. SLSAM diberikan dana tambahan sebanyak RM150 juta bagi tahun 2017 dengan kadar faedah tetap berdasarkan kategori syarikat yang memohon.
- (vi) *Business Accelerator Programme 2.0*, yang merupakan program bantuan bersepadu melalui Geran Padanan atau Pinjaman Mudah untuk meningkatkan keupayaan perusahaan kecil dan sederhana atau PKS.

Tuan Yang Dipertua,

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengenakan tindakan tegas untuk mendisiplinkan pihak industri swasta yang enggan melaksanakan '*technology upscaling*'. Ini kerana, secara amnya, syarikat yang tidak berubah ke arah melaksanakan transformasi digital, tidak akan mampu untuk terus kekal berdaya saing dalam jangka masa yang panjang disebabkan oleh cabaran perkembangan teknologi terkini yang begitu pesat.

Bagi membantu pihak industri swasta dalam berhadapan dengan cabaran digital ini, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan

Industri kini sedang dalam proses merangka dasar nasional bagi Industri 4.0 sebagai satu intervensi untuk membawa industri tempatan ke arah satu anjakan signifikan dengan pengaplikasian teknologi terkini dalam sektor pembuatan untuk menjamin kemampanan sektor pembuatan di masa hadapan.